

28/03/2003

Kaji mesej ekspedisi Dr M ke Antartika

SENTIMEN serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq semakin membakar. Namun dalam kekangan masa yang terus menghambat, Sang Bedal membuat keputusan untuk menonton dokumentari khas yang membabitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang disiarkan oleh Astro, Ahad lalu. Walaupun masa siarannya sama dengan slot berita utama stesen TV, Sang Bedal beranggapan perkembangan berita serangan itu boleh dibaca dalam akhbar atau siaran berita melalui slot lain.

Melalui saluran Discovery Travel & Adventure Sunday, Sang Bedal menyaksikan bagaimana Dr Mahathir menghabiskan masa seminggu di benua Antartika itu. Dengan judul dokumentari Postcard From Prime Minister, tempoh tayangan 30 minit itu ternyata cukup singkat berbanding kembara yang dilalui selama tujuh hari.

Perjalanan ke penghujung selatan dunia itu bermula di Ushuai, bandar kecil paling selatan Argentina. Melalui perjalanan dalam cuaca ekstrim dalam kapal Kapitan Dranistyn, Perdana Menteri ternyata gigih melalui benua berais itu. "Saya suka mencuba..." demikian antara kata-kata beliau yang menjadi suara latar penceritaan dokumentari berkenaan.

Melalui Drake Passage, kapal rombongan dilanda gelora. Namun kapal sembilan dek itu gagah membelah lautan air batu menuju destinasi. Dunia beku memaksa rombongan menyangkut pakaian sehingga enam lapis. Sang Bedal turut kagum dengan Perdana Menteri dan isteri yang berani menaiki bot kecil Zodiac menuju daratan ais.

Kata Perdana Menteri lagi, di situ tiada imigresen dan pemeriksaan kastam. Mesej kata-kata itu diperkukuhkan lagi dengan ketegasan beliau yang berkata: "Antartika milik semua. Ia tidak wajar dilombong dan eksploitasi..." Beliau turut berharap pemimpin dan masyarakat dunia menyedari peri pentingnya Antartika dan semua pihak mesti mengelakkan sebarang cubaan menguasainya tetapi bersepakat mengenainya demi kepentingan generasi akan datang.

Sang Bedal turut tersentuh dengan visual kamera Perdana Menteri yang memperlihatkan tangan kirinya menyentuh derai salji di atas aisberg. Visual lain yang dipaparkan ialah kemunculan penguin getoo, yang Dr Mahathir sarankan dijadikan maskot Antartika.

Yang menarik diambil iktibar daripada dokumentari itu ialah peri tidak ternilainya khazanah yang dicipta Allah di dunia ini. Kemusnahan atau kepupusannya mungkin tidak akan berganti lagi. Kita harus memiliki kesedaran dan keinsafan serupa terhadap khazanah negara kita. Dengan kepupusan yang melebihi separuh daripada spesies ikan di negara ini, kita sebenarnya ada masa yang terlalu sedikit untuk memulihkan sebahagian daripada keadaan buruk itu.

Semua pihak sekarang juga harus berfikiran seperti Dr Mahathir - pertahankan khazanah itu demi generasi masa depan. Namun Sang bedal tidak tahu apakah itu sekadar harapan atau impian yang tidak mungkin menjadi kenyataan.